



BORANG SEBUT HARGA BAGI TAWARAN PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM:S7/2020)

Pengarah
Bahagian Kewangan Dan Akaun
Tingkat Bawah, Wisma LKIM
Jalan Desaria, Pulau Meranti,
47120 PUCHONG, SELANGOR

Tarikh:

Tuan,

TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI MITSUBISHI PAJERO WMJ 6764 (LKIM:S7/2020)-LKIM WILAYAH BETONG

Merujuk perkara di atas, saya /syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut. Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membeli kenderaan tersebut dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia:
.....(RM).....).

2. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 10% daripada harga tawaran kenderaan di atas) yang bernilai RM.....(Ringgit Malaysia :) dalam bentuk kiriman wang/ bank draf atas nama **LKIM KUMPULAN WANG REZAB.**

3. Saya/Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang di tetapkan.

Tempoh mengambil kenderaan ialah **4 minggu dari surat tawaran di keluarkan.**

Bertarikh padaharibulan.....2020.

.....
Tandatangan Penyebutharga

Nama Penuh: _____

No. K/P: _____

Alamat: _____

Atas sifat:.....

.....
Meterai atau Cap penyebutharga



LKIM

MUSTAHAK - LIHAT SYARAT-SYARAT AM

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga. **SILA PASTIKAN ANDA TELAH MEMBACA SERTA MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN.**

1. KEADAAN KENDERAAN

Kenderaan adalah dijual sepertimana keadaan kenderaan berada sekarang (*as-is-where-is basic*)

SEMUA LOT ADALAH DIJUAL DALAM KEADAA "SEADANYA" PASTIKAN ANDA MELIHAT KENDERAAN-KENDERAAN SEBELUM MEMBIDA.

2. HARGA

Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

3. DEPOSIT

Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran kenderaan di atas. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ bank draf atas nama **LKIM KUMPULAN WANG REZAB.**

4. KOS-KOS LAIN

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah di tanggung oleh penyebutharga sendiri.

5. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.



6. **HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga LKIM adalah Muktamad.

7. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

- a. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan **Sebutharga LKIM:S7/2020** serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang di ditetapkan dalam Notis Sebutharga.
- b. Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- c. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, terbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **4 minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.

9. **TEMPOH MENGAMBIL KENDERAAN**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh **satu (1) minggu** setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah di anggap terbatal.